

# Isu gambar Mahathir: 19 Bernama bidas *Harakah*

UM - 8 DEC 1999

KUALA LUMPUR 7 Dis. — Pertubuhan Berita Nasional (*Bernama*) membidas sekeras-kerasnya dakwaan lidah rasmi Pas, *Harakah* yang menuduh gambar lawatan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Perlis menjelang pilihan raya lalu telah diubahsuai bagi menunjukkan sambutan hebat penduduk negeri itu kepada Perdana Menteri.

Pemangku Pengurus Besarnya, Syed Jamil Jaafar berkata, *Harakah* dalam edisinya semalam mendakwa sambutan orang ramai terhadap Dr. Mahathir di Perlis telah direka-reka bagi menunjukkan rakyat Perlis berada di belakang kerajaan Barisan Nasional (BN).

Beliau menegaskan, dakwaan *Harakah* itu adalah tidak benar sama sekali dan satu tuduhan yang tidak bertanggungjawab.

Menurut beliau, gambar berkenaan diambil oleh ju-

rim ke ibu pejabat agensi itu di sini menerusi *wire transmission* (kaedah penghantaran menerusi litar telefon) sejurus selepas majlis berkenaan selesai.

"*Bernama* menerima gambar itu pada pukul 6 petang dan terus mengedarkan gambar itu kepada pelanggan-pelanggan menerusi rangkaian elektronik dalam tempoh 20 minit.

## Ubah suai

"Ini bermakna tidak ada sebarang ruang waktu yang membolehkan pihak kami melakukan sebarang pengubahsuaian," katanya yang juga Ketua Pengarang agensi itu dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Dalam laporannya, *Harakah* mendakwa wujud "dua orang Dr. Mahathir" dalam satu gambar yang dirakamkan sewaktu Perdana Menteri hadir di perjumpaan pemimpin bersa-

lis, beberapa hari sebelum pilihan raya diadakan.

*Harakah* menuduh foto itu adalah satu pembohongan media massa yang dikatakannya berada di bawah cengkaman kerajaan.

Berdasarkan laporan media tempatan sebelum ini, lebih 50,000 rakyat Perlis menghadiri upacara tersebut.

Tambah Syed Jamil, jika *Harakah* melihat gambar berkenaan dengan teliti, wajah kedua yang didakwa sebagai gambar Dr. Mahathir ialah orang lain, sekali gus menafikan dakwaan kononnya gambar berkenaan telah diubahsuai.

"Dakwaan mereka itu boleh menjejaskan kewibawaan *Bernama* kerana sepanjang 31 tahun beroperasi, *Bernama* tidak pernah melakukan perkara-perkara seperti yang didakwa oleh *Harakah*, baik terhadap berita atau